BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 12/03/38 (BN) **EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1700 pada hari Isnin, 29 Disember 2003**

Maklumat Utama Bagi Siaran Akhbar November 2003

Penunjuk monetari dan kewangan terus mencerminkan kekukuhan pengembangan di dalam aktiviti ekonomi dalam negeri

Perkembangan keseluruhan monetari dan kewangan pada bulan November menunjukkan aktiviti ekonomi dalam negeri yang terus kukuh. Pertumbuhan bagi agregat monetari kekal mapan dengan M1, M2 dan M3 masing-masing berkembang pada kadar 13.3%, 10.8% dan 10% (Okt 03: 13.7%, 10.8% dan 9.9% pada bulan Oktober). Pinjaman terkumpul terus meningkat sebanyak RM1.3 bilion atau pada kadar pertumbahan tahunan 4.4% pada bulan November (RM1.7 bilion atau 4.6% pada akhir bulan Oktober). Pinjaman terkumpul kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berkembang dengan kadar yang lebih tinggi pada 9%, catatan pertumbuhan yang tertinggi semenjak Julai 2001. Pada asas terkumpul, pinjaman kepada PKS meningkat sebanyak RM6.5 bilion pada sebelas bulan yang pertama.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 12/03/38 (BN) **EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1700 pada hari Isnin, 29 Disember 2003**

SIARAN AKHBAR
PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
NOVEMBER 2003

Penunjuk monetari dan kewangan mencerminkan kekukuhan pengembangan di dalam aktiviti ekonomi dalam negeri

Perkembangan keseluruhan monetari dan kewangan pada bulan November menunjukkan aktiviti ekonomi dalam negeri yang terus kukuh. Pertumbuhan bagi agregat monetari kekal mapan dengan M1, M2 dan M3 masing-masing berkembang pada kadar 13.3%, 10.8% dan 10% (Okt 03: 13.7%, 10.8% dan 9.9%). Pinjaman terkumpul terus meningkat sebanyak RM1.3 bilion atau pada kadar pertumbahan tahunan 4.4% pada bulan November (RM1.7 bilion atau 4.6% pada akhir bulan Oktober). Pinjaman terkumpul kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berkembang dengan kadar yang lebih tinggi pada 9%, catatan pertumbuhan yang tertinggi semenjak Julai 2001. Pada asas terkumpul, pinjaman kepada PKS meningkat sebanyak RM6.5 bilion pada sebelas bulan yang pertama.

Kadar faedah kekal rendah dan stabil

Kadar pasaran wang antara bank kekal rendah dan stabil pada bulan ini. Operasi pasaran wang BNM telah disasarkan untuk mengimbangi kesan daripada pertambahan mudah tunai berpunca daripada operasi Kerajaan serta sektor luar negara yang berkembang.



Kadar pasaran wang antara bank kekal rendah dan stabil



BNM terus mengimbangi kemasukan dana dan mengekalkan kestabilan pasaran wang



Keadaan mudah tunai sistem perbankan yang lega terus menyokong aktiviti pembiayaan. Nisbah pinjaman-deposit, termasuk sekuriti hutang swasta yang dipegang oleh sistem perbankan, kekal tinggi pada 92.2%

Kadar purata berian pinjaman asas (BLR) kekal tidak berubah pada bulan ini. Persaingan dalam pemberian pinjaman telah menyebabkan penurunan sebanyak lima mata asas dalam **kadar purata pinjaman (ALR)** bagi bank perdagangan kepada 6.12% (akhir-Oktober: 6.17%). ALR bagi syarikat kewangan kekal stabil di paras 9.12% (akhir-Oktober: 9.10%).



Sementara BLR kekal tidak berubah, manakala ALR bagi bank perdagangan menurun sedikit

Pada 8 Disember, kadar deposit tetap bagi tempoh matang 1-12 bulan bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal stabil, masing-masing pada 3 - 3.70% dan 3 - 3.68%.



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Okt 03	3.00	3.00	3.01	3.03	3.70
Nov 03	3.00	3.00	3.01	3.03	3.70
08 Dis 03	3.00	3.00	3.01	3.03	3.70

Kadar deposit tetap bagi bank perdagangan kekal stabil



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Okt 03	3.00	3.00	3.02	3.05	3.68
Nov 03	3.00	3.00	3.02	3.05	3.68
08 Dis 03	3.00	3.00	3.02	3.05	3.68

...begitu juga dengan syarikat kewangan



Kadar faedah benar bagi deposit tetap 3-bulan secara relatifnya kekal stabil.

Prestasi ringgit

Pada bulan November, ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang utama. Selaras dengan pergerakan dolar AS di pasaran pertukaran mata wang asing antarabangsa, nilai ringgit menyusut berbanding euro sebanyak 2.5% dan berbanding paun sterling sebanyak 1%, sementara meningkat nilai berbanding yen Jepun sebanyak 0.5%. Dolar AS menjadi lemah apabila dana pelaburan beralih kepada asset mata wang lain berikutan pelebaran jurang perbezaan kadar faedah yang menyebelahi ekonomi-ekonomi utama yang lain, dan jangkaan bahawa kadar faedah AS akan terus kekal pada tahap yang rendah bagi tempoh masa sederhana. Dolar turut dipengaruhi secara negatif oleh kebimbangan yang berterusan berhubung defisit dagangan AS yang besar dan kesan dasar perlindungan perdagangan AS terhadap ekonominya, serta perkembangan geopolitik di Iraq. Gabungan faktor-faktor yang memberi kesan negatif kepada dollar tersebut telah menyebabkan mata wang AS menyusut nilai ke tahap terendah dalam sejarahnya berbanding euro menjelang penghujung bulan.



Prestasi ringgit bercampur-campur berbanding mata wang utama pada bulan November

Ringgit turut mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang serantau. Ringgit meningkat nilai berbanding peso Filipina dan won Korea sebanyak 0.7% dan 1.8%. Walau bagaimanapun, ringgit menyusut nilai berbanding dolar Singapura sebanyak 0.6%, sementara secara relatifnya kekal tidak berubah berbanding rupiah Indonesia dan baht Thai. Peso Filipina menyusut nilai disebabkan kebimbangan pasaran mengenai defisit fiskal dan situasi politik dalam negeri yang semakin tidak menentu. Won Korea dipengaruhi secara negatif oleh kebimbangan pasaran mengenai masalah hutang pengguna dan masalah mudah tunai yang dialami oleh sebuah syarikat kad kredit yang ternama di Korea.



Ringgit mencatat prestasi yang bercampur-campur berbanding mata wang serantau pada bulan November

Sepanjang tempoh **1 – 26 Disember 2003**, ringgit menyusut nilai berbanding mata wang utama selari dengan penyusutan dolar AS. Nilai ringgit menyusut berbanding euro sebanyak 4.4%, paun sterling sebanyak 3.4% dan yen Jepun sebanyak 2.2%. Euro mencecah tahap tertinggi dalam sejarahnya iaitu pada kadar $1.2453 berbanding satu euro di pasaran mata wang asing antarabangsa pada 25 Disember. Dolar AS terus dibelenggu oleh jangkaan pasaran bahawa beberapa ekonomi utama akan terus menaikkan kadar faedah mereka berikutan kenaikan kadar faedah yang kedua dalam dua bulan berturut-turut oleh Bank Rizab Australia, dan jangkaan bahawa kadar faedah AS akan kekal rendah untuk jangka masa yang agak panjang. Penerbitan data pekerjaan baru dan sektor perkhidmatan AS yang lemah, serta kebimbangan keselamatan yang semakin meningkat dan kemunculan kes penyakit 'lembu gila' yang pertama di AS turut mendorong kepada nilai dolar yang lebih rendah. Ringgit menyusut nilai pada kadar yang lebih kecil, berbanding mata wang serantau dalam lingkungan 0.1% - 1.3%.

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	2 September 1998	Akhir-Nov. 2003	26 Disember 2003	% Perubahan			
				November 2003	Akhir Nov. - 26 Dis. 2003	Akhir-2002 - 26 Dis. 2003	2 Sep. 1998 - 26 Dis. 2003
Dolar AS	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	0.0	0.0
Euro	-	4.5290	4.7365	-2.5	-4.4	-15.9	-
Paun sterling	6.3708	6.5138	6.7410	-1.0	-3.4	-9.6	-5.5
100 yen Jepun	2.7742	3.4717	3.5494	0.5	-2.2	-9.8	-21.8
Dolar Singapura	2.1998	2.2016	2.2315	-0.6	-1.3	-1.9	-1.4
100 baht Thai	9.3713	9.5190	9.6044	0.0	-0.9	-8.3	-2.4
100 peso Filipina	8.8302	6.8192	6.8469	0.7	-0.4	4.4	29.0
100 rupiah Indonesia	0.0354	0.0447	0.0447	0.0	-0.1	-5.0	-20.9
100 won Korea	0.2827	0.3157	0.3168	1.8	-0.3	0.9	-10.8

Inflasi meningkat sedikit pada bulan November

Kadar **inflasi** tahunan, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP, 2000=100), **meningkat sedikit kepada 1.1%** pada bulan November (Oktober: 1.3%) dengan perubahan harga kekal stabil secara keseluruhannya.

Indeks Harga Pengguna



Kadar inflasi meningkat sedikit kepada 1.1% pada bulan November

Harga pengeluar lebih tinggi pada bulan Oktober

Indeks Harga Pengeluar (IHP) meningkat sebanyak 6.1% pada bulan Oktober (Sep 03: 1.4%). Peningkatan ini telah disebabkan oleh kenaikan harga petroliam mentah, minyak galian dan produk yang berkaitan dengannya, serta minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran. Tidak termasuk barangan yang berkaitan dengan komoditi, IHP terlaras meningkat sebanyak 0.9% sahaja.

Indeks Harga Pengeluar



IHP terlaras, tidak termasuk barangan yang berkaitan dengan komoditi, meningkat sebanyak 0.9%

Pertumbuhan bekalan wang kekal

Pada bulan November, pertumbuhan bagi **agregat monetari** kekal mapan dengan M1, M2 dan M3 masing-masing mengembang pada kadar tahunan 13.3%, 10.8% dan 10% (Okt 03: 13.7%, 10.8% dan 9.9%). Peningkatan permintaan untuk baki urus niaga, khususnya matawang dalam edaran, mencerminkan perbelanjaan isi rumah yang lebih tinggi semasa musim perayaan. Ketiga-tiga penentu agregat monetari iaitu, operasi Kerajaan, sektor swasta dan operasi luar negara telah menyumbang kepada pengembangan bekalan wang.

Agregat monetari



Pertumbuhan bagi ketiga-tiga agregat monetari kekal mapan...

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	2003			
	Sep	Oct	Nov	Jan - Nov
M3	5.6	5.3	7.8	21.8
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-2.2	1.2	3.2	0.3
Tuntutan ke atas sektor swasta	4.5	1.0	2.7	11.2
Operasi luar bersih [1]	5.3	10.8	1.9	19.4
Pengaruh lain	-2.0	-7.7	0.0	-9.0

1/ sebelum penilaian semula

...mencerminkan operasi Kerajaan, sektor swasta dan operasi luaran yang mengembang

Deposit sistem perbankan terus meningkat pada bulan November

Jumlah **deposit** yang dikumpul oleh sistem perbankan meningkat pada asas bulanan, sebanyak RM5.8 bilion atau 1.1% pada bulan November. Peningkatan ini mencerminkan deposit yang lebih tinggi oleh perusahaan perniagaan dan individu, khususnya berbentuk perjanjian beli balik, deposit permintaan dan deposit SPI. Sementara itu, pada asas tahunan, jumlah deposit yang dikumpul oleh sistem perbankan meningkat sebanyak 9.8% pada akhir bulan November (10.0% pada akhir bulan Oktober).

Perubahan Bulanan dalam Deposit **(RM juta)**

	2003		
	Sept.	**Oct.**	**Nov.**
Penyimpan			
Kerajaan Persekutuan	-171	103	1,031
Kerajaan Negeri	-349	-137	-254
Badan Berkanun[1/]	-531	674	-269
Institusi Kewangan	1,615	367	-190
Perusahaan Perniagaan	3,125	3,149	4,373
Individu	1,652	2,098	1,536
Lain-lain[2/]	-525	667	-411
Jumlah	**4,817**	**6,920**	**5,816**

Deposit yang lebih tinggi disimpan oleh Kerajaan Persekutuan, perusahaan perniagaan dan individu...

[1/] Termasuk Kerajaan tempatan.

[2/] Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing.

Perubahan Bulanan dalam Deposit **(RM juta)**

	2003		
	Sept.	**Oct.**	**Nov.**
Jenis			
Deposit tetap	1,973	1,305	-952
NID	153	968	547
Deposit permintaan	44	2,293	1,002
Deposit tabungan	326	404	428
Perjanjian beli balik *(Repo)*	1,464	1,614	2,773
Deposit mata wang asing	847	-461	36
Deposit SPI	-80	702	1,996
Lain-lain	90	96	-14
Jumlah	**4,817**	**6,920**	**5,816**

...khususnya berbentuk perjanjian beli balik, SPI dan deposit permintaan

Pinjaman terkumpul PKS meningkat dengan ketara

Pada asas tahunan, permohonan pinjaman meningkat sebanyak 4.2%, kelulusan pada 12.9% dan pengeluaran pinjaman sebanyak 6.4%. Pinjaman terkumpul terus meningkat sebanyak RM1.3 bilion atau pada kadar tahunan sebanyak 4.4% pada bulan November (RM1.7 bilion atau 4.6% pada bulan

Oktober), disebabkan pinjaman terkumpul yang lebih tinggi bagi sektor isi rumah (+RM2.6 bilion, +RM2.7 bilion pada bulan Oktober) dan PKS (+RM1.1 bilion, +RM0.3 bilion pada bulan Oktober). Walau bagaimanapun, pinjaman terkumpul bagi sektor perniagaan secara keseluruhan, menurun sebanyak RM0.5 bilion, mencerminkan bayaran balik pinjaman yang lebih tinggi, terutamanya oleh perniagaan dalam sektor pertanian, ternakan, perhutanan dan perikanan serta perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan.

Pembiayaan bank kepada PKS terus berkembang dengan kukuh. Pinjaman terkumpul PKS meningkat dengan ketara pada kadar tahunan sebanyak 9%, pertumbuhan yang tertinggi dicatatkan semenjak bulan Julai 2001. Pada asas terkumpul, pinjaman PKS meningkat sebanyak RM6.5 bilion pada sebelas bulan pertama. Hasilnya, pinjaman PKS mencakup bahagian yang lebih tinggi sebanyak 32.5% daripada pinjaman terkumpul sektor perniagaan dan 15.8% daripada jumlah pinjaman terkumpul pada akhir bulan November. Pada tempoh yang sama, sejumlah RM23.2 bilion telah diluluskan kepada 69,225 PKS sementara RM77.9 bilion pula telah dikeluarkan.

Pinjaman Terkumpul Perusahaan Kecil dan Sederhana



Pinjaman terkumpul PKS meningkat dengan ketara

Penunjuk pinjaman menyederhana pada bulan November berbanding dengan bulan Oktober, mencerminkan terutamanya aktiviti pinjaman bermusim yang lebih perlahan. Keadaan ini telah dicerminkan oleh permohonan pinjaman keseluruhan yang lebih rendah oleh sektor perniagaan. Sungguhpun begitu, pinjaman yang dipohon oleh sektor perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan; pertanian, ternakan, perhutanan dan perikanan serta perkilangan adalah lebih tinggi.

Permohonan, Kelulusan, Pengeluaran dan Bayaran Balik Pinjaman (RM bilion)



Mencerminkan terutamanya bilangan hari bekerja yang lebih pendek disebabkan musim perayaan, penunjuk pinjaman adalah lebih rendah berbanding dengan bulan sebelumnya

Pengeluaran Pinjaman kepada Sektor Terpilih



Pengeluaran pinjaman adalah secara meluas

Jumlah pembiayaan kasar sektor swasta oleh sistem perbankan dan dana yang diperoleh daripada pasaran modal berjumlah RM37.8 bilion (RM47.7 bilion pada bulan Oktober). Pada asas bersih, pembiayaan yang disalurkan oleh sistem perbankan melalui berian pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta meningkat pada kadar tahunan sebanyak 5.4% pada akhir bulan November (6% pada akhir bulan Oktober). Nisbah pinjaman-deposit, termasuk sekuriti hutang swasta yang dipegang oleh sistem perbankan berada pada 92.2% pada akhir bulan November (93.1% pada akhir bulan Oktober).

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Pembiayaan kasar sektor swasta meningkat pada kadar tahunan 0.8%

Dana lebih tinggi diperoleh oleh sektor awam

Dana yang tinggi berjumlah RM2.8 bilion telah diperoleh oleh sektor awam pada bulan November. Sektor swasta memperoleh dana sebanyak RM893 juta melalui pasaran sekuriti hutang swasta dan sebanyak RM799 juta melalui pasaran ekuiti. Secara bersih, sebanyak RM4.5 bilion diperoleh daripada pasaran modal pada bulan November.

Dana Bersih yang Diperoleh dari Pasaran Modal [1/]



[1/] Dana bersih yang diperoleh dari pasaran modal oleh sektor swasta (termasuk bon Cagamas dan Danaharta)

Terbitan bersih yang lebih tinggi oleh sektor awam

Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) menurun pada bulan November disebabkan aktiviti pengambilan untung ekoran perolehan yang memberangsangkan pada bulan Oktober. Pasaran meningkat sedikit setelah pengumuman mengenai pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang lebih baik dari jangkaan bagi suku ketiga. Pada akhir bulan November, IK BSKL ditutup pada 779.3 mata (-4.6% sejak akhir bulan Oktober) dengan modal pasaran sebanyak RM629.2 bilion (-3.2% sejak akhir bulan Oktober). Purata urus niaga harian lebih rendah sebanyak 632.9 juta unit pada bulan ini (820.1 juta unit pada bulan Oktober).



Prestasi BSKL seiring dengan pasaran serantau

Pada 26 December, IK BSKL ditutup pada 780 mata (+0.1% sejak akhir bulan November). Modal pasaran adalah lebih tinggi pada RM628.5 bilion (-0.1% sejak akhir bulan November) and purata urus niaga harian pada tempoh tersebut sebanyak 499 juta unit.

Rizab antarabangsa kekal tinggi

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM167 bilion atau AS$44 bilion pada 28 November 2003, mewakili peningkatan sebanyak RM1.2 bilion atau AS$0.3 bilion daripada bulan sebelumnya. Paras rizab yang tinggi ini kekal tinggi pada RM166.7 bilion atau AS$43.9 bilion pada 15 Disember 2003, disebabkan terutamanya oleh pembawaan pulang perolehan eksport dan aliran masuk dana portfolio. Aliran keluar mencerminkan terutamanya pembayaran untuk barangan dan perkhidmatan, penghantaran pulang dividen dan pembayaran balik hutang luar negara oleh sektor awam. Paras rizab ini adalah memadai untuk membiayai 7.0 bulan import tertangguh dan adalah 4.8 kali hutang luar negara jangka pendek.



Kedudukan modal bertambah kukuh

Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) bagi sistem perbankan mengukuh kepada 13.4% pada akhir bulan November 2003 berikutan kenaikan dalam modal asas (+0.1%) dan pengurangan aset berwajaran risiko (-0.3%). Pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan naik sebanyak RM0.9 bilion, menyebabkan nisbah NPL bersih meningkat sedikit kepada 6.8% pada akhir November 2003.

Kedudukan Kewangan Sistem Perbankan*

	1998	1999	2000	2001	2002	2003		
	Dis.	Dis.	Dis.	Dis.	Dis.	Sep.	Okt.	Nov.
Modal (%)								
Nisbah modal teras	8.7	10.1	10.7	11.1	11.1	10.9	10.7	10.8
RWCR	11.8	12.5	12.5	13.0	13.2	13.4	13.3	13.4
NPL bersih (klasifikasi 6-bulan)								
% jumlah pinjaman bersih	8.1	6.4	6.3	8.1	7.5	6.5	6.6	6.8
Jumlah (RM juta)	31,675	23,849	24,700	32,775	31,703	29,168	29,506	30,428
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6-bulan, %)	2.0	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8	1.8	1.9

** Mulai Jun 1999, jadual ini mengambil kira institusi perbankan Islam*



....Nisbah NPL bersih (klasifikasi 6 bulan) meningkat sedikit kepada 6.8%



.... RWCR meningkat kepada 13.4%

Bank Negara Malaysia
29 Disember 2003

Perangkaan Utama Kewangan dan Perbankan

	Oktober 2003		November 2003	
	Baki (RM bilion)	Pertumbuhan tahunan (%)	Baki (RM bilion)	Pertumbuhan tahunan (%)
Agregat Monetari				
Wang rizab	44.6	7.9	47.7	9.5
M1	96.3	13.7	99.7	13.3
M2	415.9	10.8	423.5	10.8
M3	540.6	9.9	548.4	10.0
Sistem Perbankan				
Jumlah deposit	544.3	10.0	550.2	9.8
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta)	512.2	4.6	513.4	4.4
Jumlah pinjaman (tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta)	447.9	4.8	449.6	4.8
Nisbah pinjaman-deposit (%)	82.3		81.7	
Nisbah pinjaman-deposit termasuk hutang sekuriti swasta (%)	93.1		92.2	
Pinjaman yang dipohon pada bulan berkenaan	19.5	-2.5	17.4	4.2
Pinjaman yang diluluskan pada bulan berkenaan	13.4	4.4	11.5	12.9
Pinjaman yang dikeluarkan pada bulan berkenaan	41.7	15.3	35.7	6.4
Pinjaman yang dibayar pada bulan berkenaan	41.5	15.7	35.8	8.8
Keadaan Sistem Perbankan				
Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) (%)	13.3		13.4	
NPL bersih: Klasifikasi 6-bulan (%)	6.6		6.8	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)				
Rizab dalam RM (bilion)	165.8		167.0	
Rizab dalam Dolar AS (bilion)	43.6		44.0	
Bilangan bulan import tertangguh	6.9		7.0	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]				
Antara bank: 1-bulan	2.99[2.99]		2.99[2.99]	
3-bulan	2.88[2.87]		2.87[2.87]	
Deposit tetap bank perdagangan: 1-bulan	3.00[3.00]		3.00[3.00]	
3-bulan	3.00[3.00]		3.00[3.00]	
BLR bank perdagangan	6.00[6.00]		6.00[6.00]	
Harga				
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)	104.6	1.3	104.7	1.1
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) 1989=100)	140.8	6.1		
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)				
Euro	4.4169		4.5290	
Paun Sterling	6.4461		6.5138	
Dolar Singapura	2.1883		2.2016	
100 Yen Jepun	3.4878		3.4717	
100 Baht Thai	9.5202		9.5190	
100 Peso Filipina	6.8682		6.8192	
100 Rupiah Indonesia	0.0447		0.0447	
100 Won Korea	0.3213		0.3157	
Pasaran Modal				
Dana bersih yang diperoleh:				
sektor awam (RM bilion)	...		2.8	
sektor swasta (RM bilion)	6.1		1.7	
Indeks Komposit BSKL (akhir tempoh)	817.12		779.28	
Nilai pasaran BSKL (RM b) (akhir tempoh)	649.81		629.19	